



13 Jun 2016
13 June 2016
P.U. (A) 161

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)
(NO. 8) 2016

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2008.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“bangunan” ertinya suatu bangunan yang—

(a) dibina oleh pemaju yang diluluskan; dan

(b) terletak dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

“pelupusan” ertinya penjualan, pemindahhakan, pemindahan hakmilik, penyerahhakan, penyelesaian atau pemberimilikan, sama ada melalui perjanjian atau melalui kuat kuasa undang-undang, termasuk penarikan balik stok dagangan menurut subseksyen 24(2) Akta;

“taman perindustrian” ertinya suatu taman perindustrian dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

“Wilayah Ekonomi Pantai Timur” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [*Akta 688*];

“zon bebas” ertinya mana-mana kawasan yang terletak dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang diisytiharkan sebagai suatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*].

Pemaju yang diluluskan

3. Pemaju yang diluluskan ialah suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) yang diluluskan oleh Menteri;

(c) yang membeli atau memperoleh apa-apa hak atas sebahagian atau keseluruhan tanah dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan

(d) yang menjalankan pembangunan—

(i) suatu taman perindustrian yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur; atau

(ii) suatu zon bebas.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan pemaju yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang berikut:

(a) pelupusan apa-apa hak atas mana-mana tanah atau pelupusan suatu bangunan atau hak atas suatu bangunan atau sebahagian bangunan yang terletak dalam suatu taman perindustrian atau zon bebas; atau

(b) penyewaan suatu bangunan atau sebahagian bangunan yang terletak dalam suatu taman perindustrian atau zon bebas.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh sepuluh tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama pemaju yang diluluskan memperoleh pendapatan berkanun daripada aktiviti pelupusan atau penyewaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut "tahun-tahun taksiran yang dikecualikan" dalam Perintah ini.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi aktiviti pelupusan atau penyewaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang akan atau telah dijalankan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur tidak lebih daripada satu tahun sebelum tarikh permohonan yang disebut dalam subperenggan (4) dibuat.

(4) Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada atau selepas 13 Jun 2008 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(5) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada pemaju yang diluluskan mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.

(6) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan pemaju yang diluluskan daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun, atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(7) Bagi maksud perenggan ini, “Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur” ertinya majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008.

Pendapatan berkanun

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 4(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun bagi tahun-tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu aset yang digunakan bagi maksud aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1) juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1), maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah mengambil kira setakat yang aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1) itu.

Kerugian

6. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang berlaku sebelum atau semasa tahun-tahun taksiran yang dikecualikan yang berbangkit daripada aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(b) hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun daripada aktiviti itu selepas tahun atau tahun-tahun taksiran yang dikecualikan sehingga kesemua amaun kerugian larasan itu telah digunakan daripada pendapatan berkanun daripada aktiviti yang berkenaan itu.

(2) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun daripada aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(b) bagi suatu tahun taksiran tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta.

Peruntukan khas bagi pemaju yang diluluskan

7. Bagi maksud Perintah ini, pendapatan pemaju yang diluluskan yang diperoleh daripada aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(a) adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [*P.U. (A) 277/2007*].

Penarikan balik pengecualian

8. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 4(1) sekiranya pemaju yang diluluskan gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 4(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada pemaju yang diluluskan itu dari tahun pertama tempoh yang disebut dalam subperenggan 4(2).

Punca berasingan dan akaun berasingan

9. (1) Jika pemaju yang diluluskan menjalankan aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1) dan aktiviti selain aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1), setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Pemaju yang diluluskan yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Pelupusan bangunan

10. Apa-apa pelupusan bangunan yang dipegang untuk pelaburan oleh pemaju yang diluluskan yang pendapatan daripada penyewaannya telah dikecualikan di bawah Perintah ini hendaklah dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*].

Dibuat 8 Jun 2016

[Perb. 0.3865/73(Sj. 107)(SK. 4); LHDN.01/35/(S)/42/51/82-84; PN(PU2)80/LXXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 8) Order 2016**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 13 June 2008.

Interpretation

2. In this Order—

“building” means a building which is—

(a) constructed by an approved developer; and

(b) located in the East Coast Economic Region;

“disposal” means sell, convey, transfer, assign, settle or alienate, whether by agreement or by force of law, including withdrawal of stock in trade pursuant to subsection 24(2) of the Act;

“industrial park” means an industrial park within the East Coast Economic Region;

“East Coast Economic Region” has the same meaning assigned to it in the East Coast Economic Region Development Council Act 2008 [Act 688];

“free zone” means any area located within the East Coast Economic Region which is declared as a free commercial zone or free industrial zone under the Free Zones Act 1990 [Act 438].

Approved developer

3. An approved developer is a company—
- (a) incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] and resident in Malaysia;
 - (b) which is approved by the Minister;
 - (c) which purchases or acquires any right over part or the whole of the land within the East Coast Economic Region; and
 - (d) which carries on the development of—
 - (i) an industrial park approved by the East Coast Economic Region Development; or
 - (ii) a free zone.

Exemption

4. (1) The Minister exempts an approved developer in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income derived from the following activities:
- (a) the disposal of any right over any land or disposal of a building or rights over a building or part of a building located in an industrial park or a free zone; or

(b) the rental of a building or part of a building located in an industrial park or a free zone.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of ten consecutive years of assessment commencing from the first year of assessment in which the approved developer derives statutory income from the disposal or rental activities, as the case may be, which is referred to as “exempt years of assessment” in this Order.

(3) The exemption referred to in subparagraph (1) shall apply to any disposal or rental activity, as the case may be, which will be or has been carried on in the East Coast Economic Region not more than one year prior to the date the application referred to in subparagraph (4) is made.

(4) An application for an exemption under this Order shall be made to the Minister through the East Coast Economic Region Development Council on or after 13 June 2008 but not later than 31 December 2020.

(5) An exemption granted under this Order is subjected to the approved developer complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the approved developer from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts, or to furnish any other information, under the Act.

(7) For the purposes of this paragraph, the “East Coast Economic Region Development Council” means the council established under the East Coast Economic Region Development Council Act 2008.

Statutory income

5. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 4(1) in the basis period for each year of the exempt years of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where an asset used for the purposes of the activity referred to in subparagraph 4(1) is also used for the purposes of an activity other than the activity referred to in subparagraph 4(1), then the amount of allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purposes of the activity referred to in subparagraph 4(1).

Losses

6. (1) Any amount of adjusted loss incurred prior or during the exempt years of assessment arising from the activity referred to in subparagraph 4(1)(b) shall be carried forward and deducted from the statutory income from that activity in the post-exempt year or years of assessment until the whole amount of the adjusted loss has been utilized against the statutory income from that respective activity.

(2) So much of the adjusted loss which was utilized to reduce the statutory income from the activity referred to in subparagraph 4(1)(b) for a year of assessment shall be disregarded for the purposes of subsections 43(2) and 44(2) of the Act.

Special provision for approved developer

7. For the purposes of this Order, the income of the approved developer derived from the activity referred to in subparagraph 4(1)(a) shall be subjected to the Income Tax (Property Development) Regulations 2007 [*P.U. (A) 277/2007*].

Withdrawal of exemption

8. (1) The Minister may withdraw the tax exemption granted under subparagraph 4(1) if the approved developer fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 4(1) shall be deemed to have not been granted to the approved developer from the first year of the period referred to in subparagraph 4(2).

Separate source and separate account

9. (1) Where an approved developer carries on an activity referred to in subparagraph 4(1) and activity other than the activity referred to in subparagraph 4(1), each activity shall be treated as a separate and distinct source of the activity.

(2) The approved developer which is granted an exemption under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Disposal of building

10. Any disposal of a building which is held for investment by the approved developer for which rental income has been exempted under this Order shall be taxed under the Real Property Gains Tax Act 1976 [Act 169].

Made 8 June 2016

[Perb. 0.3865/73(Sj. 107)(SK. 4); LHDN.01/35/(S)/42/51/82-84; PN(PU2)80/LXXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]